



VERSI 2.0

UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT

PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN
PERKHIDMATAN TERMASUK FIRMA
PERUNDING

**PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
BAGI PEROLEHAN
BEKALAN DAN PERKHIDMATAN
TERMASUK FIRMA PERUNDING**

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 2/70

Rekod Pindaan Dokumen		
Tarikh	Versi	Deskripsi Perubahan
13 Disember 2022	1.0	Format baharu merangkumi Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreement</i> - FTA)
10 Januari 2023	2.0	Senarai kemaskini: - <u>Perenggan 3.9.</u> Penerangan berkenaan pendaftaran perkhidmatan firma perunding. - <u>Perenggan 5.1.3.</u> Penerangan berkenaan pekerja dan caruman KWSP. - <u>Perenggan 5.1.6.</u> Penerangan berkenaan kod bidang. - <u>Perenggan 6.</u> Penerangan berkenaan syarat-syarat pendaftaran bidang khas. - <u>Perenggan 14</u> Penyelarasan dokumen sokongan mengikut jenis permohonan. - <u>Perenggan 18.</u> Penyelarasan keperluan lesen bagi kod bidang 040103 Makanan Bermasak (Islam) dan 222501 Hotel/ Resort.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 3/70

ISI KANDUNGAN

1. LATAR BELAKANG	6
2. PUNCA KUASA	7
3. DASAR PENDAFTARAN	8
4. PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN MOF	13
5. SYARAT PENDAFTARAN AKAUN MOF	15
6. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN BIDANG KHAS	20
7. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING	28
8. LAWATAN PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN/ AUDIT	48
9. SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT/ SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA.....	48
10. BORANG PENGISYTIHARAN DAN DOKUMEN SOKONGAN	48
11. SURAT AKUAN SYARIKAT.....	49
12. TEMPOH SAH LAKU	49
13. PIAGAM PELANGGAN.....	49
14. DOKUMEN SOKONGAN MENGIKUT JENIS PERMOHONAN	50
15. PERINGATAN	56
16. PENAFIAN	58
17. PERTANYAAN.....	58
18. LAMPIRAN.....	60

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 4/70

**BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Januari 2023

HAKCIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dengan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 5/70

PENDAHULUAN

Panduan pendaftaran ini secara keseluruhannya menerangkan dasar dan tatacara permohonan pendaftaran bagi Akaun Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) serta senarai kod bidang.

Panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh agensi Kerajaan berkaitan penggunaan kod bidang bagi sesuatu bekalan/ perkhidmatan yang ingin diperolehi selaras dengan tatacara dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa. Setiap perolehan yang dilaksanakan hendaklah mengikut prinsip perolehan iaitu:

- i. Akauntabiliti awam;
- ii. Diurus secara telus;
- iii. Nilai faedah terbaik;
- iv. Saingan terbuka; dan
- v. Adil serta saksama.

Dengan adanya panduan ini, diharap semua pihak akan mengetahui tanggungjawab dan keperluan dalam pendaftaran Akaun MoF supaya semua perolehan Kerajaan diurus berlandaskan dasar dan prinsip tadbir urus baik dan berkesan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 6/70

1. LATAR BELAKANG

1.1. Bagi maksud panduan pendaftaran ini, syarikat/ firma perunding dirujuk sebagai:

- i. Semua syarikat/ perniagaan/ pertubuhan/ koperasi/ persatuan/ firma perunding atau semua entiti yang diperbadankan/ didaftarkan di Malaysia yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) samada Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau Pendaftaran Syarikat (ROC) atau Pendaftaran Perkongsian Lialibiti Terhad 2012 atau Lembaga Ikhtisas (Badan Profesional) masing-masing. Bagi Sabah dan Sarawak, firma perunding perlu diperbadankan atau berdaftar dengan pihak berkuasa yang mendaftarkan firma perunding di Sabah dan Sarawak; atau
- ii. Semua syarikat dari kalangan negara ahli FTA yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Lembaga Ikhtisas (Badan Profesional) di Malaysia dan berhasrat menyertai perolehan Kerajaan.

1.2. Semua permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Modul Pengurusan Pembekal Sistem ePerolehan (eP) di portal www.eperolehan.gov.my.

1.3. Kerajaan Malaysia dan MoF adalah tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian kepada syarikat setelah berdaftar dan sebarang kelulusan pendaftaran tidak mengikat Kerajaan untuk menawarkan sebarang perolehan kepada syarikat.

1.4. Syarikat boleh dikenakan tindakan tatatertib jika berlaku ketidakpatuhan dalam Kerajaan sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeling Perbendaharaan (PP)/ Perolehan Kerajaan (PK)8.

1.5. Syarikat hendaklah sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat yang baik (*good governance*), telus dan berintegriti supaya matlamat untuk membentuk komuniti perniagaan yang berdaya saing dan boleh menghadapi arus globalisasi dapat direalisasikan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 7/70

2. PUNCA KUASA

- 2.1. Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)
- 2.2. Arahan Perbendaharaan (AP) 166.1
Perbendaharaan adalah pihak berkuasa pusat bagi perolehan (Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja) Kerajaan sama ada di Malaysia atau di luar negara dalam pengawalan, penguatkuasaan, penyeliaan, penyelarasan, penggunaan, pembahagian, penyimpanan, pemindahan antara Kementerian/ Jabatan dan pelupusan Aset Awam.
- 2.3. AP166.2(i)
Menentukan kriteria dan syarat-syarat pendaftaran serta mendaftarkan individu, firma perunding, syarikat, pertubuhan dan perunding bagi membolehkan mereka mengurus niaga dengan Kerajaan.
- 2.4. AP166.2(ix)
Membuat pemantauan dan/ atau mengambil tindakan tatatertib ke atas individu, firma perunding, syarikat, pertubuhan dan perunding yang didapati bersalah kerana melanggar syarat pendaftaran, syarat tender/ kontrak atau perjanjian dengan Kerajaan ataupun telah melakukan jenayah/ mengalami tanggungan sivil.
- 2.5. AP166.2(x)
Membuat lawatan/ naziran dan menjalankan pengauditan ke atas dokumen dan premis berkaitan bagi individu, firma perunding untuk tujuan pendaftaran, tindakan tatatertib atau pemantauan ke atas individu, firma, syarikat, pertubuhan dan perunding seperti dinyatakan di AP 166.2(i) dan AP 166.2 (ix).
- 2.6. AP184.2
Semua urusan pendaftaran syarikat bekalan dan perkhidmatan di Semenanjung Malaysia dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sahaja, manakala pendaftaran syarikat bekalan dan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak dikendalikan oleh Perbendaharaan Persekutuan berkenaan. Kementerian/ Jabatan dikehendaki mempelawa hanya syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (termasuk Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak) untuk mengambil bahagian di dalam urusan perolehan bekalan atau perkhidmatan kecuali perolehan yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 173.1 dan 190(a) sahaja.
- 2.7. AP184.3
Pendaftaran perunding bagi seluruh Malaysia adalah dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sahaja. Semua Kementerian/ Jabatan dikehendaki menggunakan hanya perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja.
- 2.8. Pekeliling Perbendaharaan (PP)/ Perolehan Kerajaan (PK).

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 8/70

3. DASAR PENDAFTARAN

- 3.1. Individu yang diisytiharkan di dalam sistem eP sahaja dibenarkan menguruskan dokumen dan urusan pendaftaran dengan MoF.
- 3.2. Hanya individu yang dinamakan di dalam Sijil Akuan Pendaftaran MoF sahaja dibenarkan mengurus niaga dengan Kerajaan.
- 3.3. Permohonan baharu yang telah didaftarkan dengan MoF tidak dibenarkan melakukan sebarang perubahan ke atas pemilik/ lembaga pengarah/ pengarah/ personel pengurusan/ pekerja dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh didaftarkan.
- 3.4. Semua dokumen yang dikemukakan adalah Hakmilik Kerajaan (MoF).
- 3.5. MoF tidak akan mengeluarkan sebarang surat perakuan/ kebenaran lisan kepada syarikat untuk menyertai sesuatu perolehan Kerajaan. MoF juga tidak akan membuat sebarang pengesahan secara lisan atau bertulis berkaitan maklumat syarikat kepada pihak ketiga bagi apa-apa tujuan.
- 3.6. Permohonan kod bidang khas hendaklah dibuat secara berasingan dengan kod bidang biasa kerana memerlukan lawatan ke premis.
- 3.7. Syarikat yang berdaftar bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat secara dalam talian sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku. Sekiranya gagal, MoF boleh membatalkan pendaftaran atau mengambil lain-lain tindakan seperti di PP/ PK8.
- 3.8. Sekiranya syarikat/ firma perunding tidak membuat pembaharuan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat pendaftaran, akaun MoF berkenaan akan terbatal secara automatik dan syarikat hendaklah membuat permohonan baharu.
- 3.9. Firma perunding tidak dibenarkan untuk berdaftar perkhidmatan perunding fizikal dan perkhidmatan perunding bukan fizikal bersekali kecuali bidang Kajian Trafik (340202) dan Penilaian Harta/ Hartanah (340403). Peraturan ini tidak terpakai bagi firma perunding di bawah Badan Berkanun Persekutuan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 9/70

- 3.10. Dalam urusan perolehan, PAKATAN HARGA adalah dilarang sama sekali. Perkara ini adalah selaras dengan Akta Persaingan 2010. Oleh yang demikian, sebarang keadaan atau kemungkinan yang mana pada pandangan MoF boleh membawa/ mengakibatkan pendaftaran sesuatu syarikat/ firma perunding ditolak, antaranya:
- 3.10.1. Syarikat Bersekutu, syarikat induk dan anak syarikat serta firma perunding tidak boleh berdaftar di bawah kod bidang yang sama. Semakan akan dibuat ke atas setiap penama dalam syarikat/ firma perunding. Penama adalah individu yang terdiri daripada pemilik/ pengarah/ kakitangan syarikat.
 - 3.10.2. Penama yang sama dalam dua (2) atau lebih syarikat/ firma perunding tidak boleh berdaftar dalam kod bidang yang sama. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab syarikat menjelaskan/ mengisytiharkan pemilikan modal mereka di dalam syarikat-syarikat lain.
 - 3.10.3. Firma perunding tidak dibenarkan beroperasi di premis yang sama dengan firma perunding lain samada firma perunding tersebut berdaftar atau tidak berdaftar dengan MoF.
- 3.11. Penama yang dilantik untuk mewakili Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/ Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dikecualikan daripada perenggan 3.10.
- 3.12. Penama yang dilantik untuk mewakili Koperasi/ Pertubuhan/ Badan Amanah dikecualikan daripada perenggan 3.10.
- 3.13. Penama yang diisytiharkan dari syarikat-syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia dikecualikan daripada perenggan 3.10.
- 3.14. Penama yang diisytiharkan dalam syarikat berdaftar dalam kod bidang Hotel/ Resort (222501) bersekali kod bidang Makanan Bermasak (Islam) (040103) juga dikecualikan dari perenggan 3.10.
- 3.15. Penama yang diisytiharkan dalam syarikat berdaftar dalam kod bidang perkhidmatan Insurans (221801) juga dikecualikan dari perenggan 3.10.
- 3.16. Penama yang diisytiharkan dalam syarikat berdaftar dalam Perkhidmatan Perubatan - Dialisis (222707) juga dikecualikan dari perenggan 3.10.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 10/70

3.17. Syarikat/ firma perunding yang berdaftar dengan MoF seperti di bawah perlu membuat permohonan pembatalan pendaftaran dengan MoF dan mengemukakan permohonan baharu sekiranya:

3.17.1. Syarikat/ firma perunding yang membuat perubahan secara keseluruhan ke atas pemilik, pengarah, pengurusan dan penandatanganan cek syarikat; atau

3.17.2. Perniagaan pemilikan tunggal/ perkongsian yang menukar nama perniagaan; atau

3.17.3. Perniagaan pemilikan tunggal/ perkongsian yang menaik taraf perniagaan kepada pendaftaran di bawah Akta Syarikat 2016 (Sendirian Berhad) atau Pendaftaran Perkongsian Lialibiti Terhad 2012.

3.18. Permohonan penarafan bumiputera adalah berdasarkan kriteria seperti di bawah:

3.18.1. Penarafan bumiputera (51%)

- i) Sekurang-kurangnya 51% ekuiti syarikat dimiliki oleh bumiputera dan pemilikan ekuiti individu bumiputera hendaklah melebihi ekuiti individu bukan bumiputera;
- ii) Sekurang-kurangnya 51% daripada bilangan Ahli Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh bumiputera;
- iii) Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (*keyposts*) hendaklah dipegang oleh bumiputera dengan peratusan bilangan sekurang-kurangnya 51%;
- iv) Sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja hendaklah terdiri dari bumiputera;
- v) Pengurusan kewangan hendaklah dikuasai oleh bumiputera;
- vi) Gaji/ caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kakitangan tertinggi/ secara kumulatif (terkumpul) hendaklah dikuasai oleh bumiputera; dan
- vii) Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh bumiputera.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 11/70

3.18.2. Penarafan bumiputera (100%)

- i) Syarikat dimiliki sepenuhnya (100%) dikuasai oleh bumiputera bagi semua aspek pegangan ekuiti, Lembaga Pengarah, Pengurusan, pengurusan kewangan dan kakitangan.

Nota:

- i. **Pemberian taraf bumiputera merupakan satu keistimewaan sahaja dan bukannya hak.** Kegagalan mematuhi kriteria taraf bumiputera yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan membolehkan taraf bumiputera yang telah diberi ke atas syarikat **ditarik balik dan dibatalkan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.**
 - ii. Penarafan bumiputera tidak terpakai bagi permohonan pendaftaran firma perunding.
- 3.19. Pemberian Sijil Taraf Bumiputera (STB) adalah daripada MoF melalui lawatan premis oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP).
 - 3.20. Syarikat bumiputera yang beroperasi di bawah premis yang sama dengan syarikat bukan bumiputera dan didapati tidak mematuhi syarat penarafan bumiputera semasa lawatan premis, boleh ditarik semula/ tidak ditarafkan sebagai syarikat bumiputera sama ada syarikat bukan bumiputera tersebut berdaftar atau tidak berdaftar dengan MoF.
 - 3.21. MoF/ PKK berhak melakukan lawatan pemeriksaan/ menentusah ke premis syarikat pada bila-bila masa tanpa sebarang notis untuk menyemak dokumen dan maklumat berkaitan.
 - 3.22. Syarikat diberi peluang sebanyak dua (2) kali lawatan menentusah bagi permohonan taraf bumiputera dan bidang khas. Sekiranya syarikat bertutup/ tidak aktif/ dokumen tidak berada di premis yang diisytiharkan, lawatan seterusnya hanya akan dibuat selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh permohonan kedua ditolak.
 - 3.23. MoF boleh mempertimbangkan untuk memberi maklumat syarikat/ firma perunding kepada agensi Kerajaan bagi tujuan perolehan Kerajaan serta kepada pihak ketiga bagi tujuan penambahbaikan dalam sistem penyampaian Kerajaan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 12/70

- 3.24. Syarikat/ firma perunding hanya dibenarkan untuk membuat satu (1) jenis permohonan sahaja pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, syarikat/ firma perunding boleh membatalkan permohonan semasa sekiranya permohonan tersebut sedang dalam pertimbangan MoF.
- 3.25. Syarikat/ firma perunding hendaklah memastikan pendaftaran akaun MoF berkuat kuasa sepanjang tempoh pelaksanaan perolehan/ projek/ kajian dengan Agensi Kerajaan.
- 3.26. Permohonan pembaharuan bagi syarikat yang mendaftar kod bidang khas, lawatan pengesahan kod bidang khas bagi semakan semula kelayakan akan dilaksanakan setiap 2 kali pembaharuan atau setiap enam (6) tahun.
- 3.27. Bagi profesion firma perunding yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Ikhtisas, pemilik ekuiti/ saham diwajibkan berdaftar dengan Lembaga Ikhtisas masing-masing mengikut mana-mana bidang yang dipohon untuk didaftarkan. Bidang yang dipertimbangkan adalah berdasarkan bidang yang diluluskan oleh Lembaga Ikhtisas berkaitan.
- 3.28. Bagi profesion firma perunding yang etika perkhidmatan masih belum dikawal oleh Lembaga Ikhtisas tertentu, bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah berdasarkan kelulusan akademik dan pengalaman kerja pemilik.
- 3.29. Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Kewangan hanya dibenarkan mendaftar sebagai satu (1) firma perunding sahaja.
- 3.30. Firma perunding dikehendaki mengemukakan perakuan pendaftaran dengan Lembaga Ikhtisas untuk menjalankan kerja-kerja perundingan sebagai mematuhi peruntukan Akta yang dikeluarkan oleh Lembaga Ikhtisas berkaitan.
- 3.31. Firma perunding Jurukur Tanah adalah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya satu pasukan ukur secara tetap yang dicarum KWSP terdiri dari Jurukur, Juruteknik dan Pelukis Pelan.
- 3.32. MoF berhak mengeluarkan secara automatik maklumat firma perunding dari sistem eP sekiranya firma perunding tidak membuat pembaharuan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat pendaftaran. Sekiranya masih berminat untuk berdaftar, firma perunding boleh membuat permohonan baru selepas tempoh yang ditetapkan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 13/70

4. PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN MOF

4.1. Cara Memohon

4.1.1. Semua permohonan pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem eP di portal www.eperolehan.gov.my. Jenis-jenis permohonan pendaftaran adalah seperti berikut:

(a) Baharu

Permohonan Baharu adalah permohonan kali pertama bagi syarikat yang belum pernah berdaftar dengan MoF atau syarikat yang telah dibatalkan secara automatik oleh sistem kerana tidak memperbaharui sijil selepas setahun daripada tarikh luput pendaftaran atau syarikat yang dibatalkan pendaftaran atas permintaan syarikat.

(b) Pembaharuan

Permohonan Pembaharuan adalah permohonan yang telah berdaftar dengan MoF sama ada masih sah laku atau telah tamat tempoh pendaftaran. Permohonan ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat pendaftaran semasa.

(c) Tambah Bidang

Permohonan Tambah Bidang adalah permohonan untuk menambah bidang bagi syarikat yang telah berdaftar dan masih sah laku. Tambahan bidang tidak akan dipertimbangkan jika dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran semasa.

(d) Kemas Kini Profil

Permohonan Kemaskini Profil adalah permohonan untuk membuat perubahan maklumat syarikat secara online seperti pertukaran alamat, pemilik, lembaga pengarah, pengurusan, kakitangan dan sebagainya.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 14/70

(e) Taraf Bumiputera

Permohonan taraf bumiputera adalah permohonan untuk syarikat mendapatkan pengiktirafan taraf bumiputera. Permohonan hendaklah dikemukakan selepas syarikat didaftarkan.

- 4.1.2. Semua permohonan hendaklah diisytiharkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penciptaan permohonan. Jika permohonan tidak diisytiharkan dalam tempoh tersebut, permohonan pendaftaran akan **terbatal secara automatik**.

4.2. Kadar Bayaran Pendaftaran dan Lain-lain Caj Berkaitan

Bayaran untuk pendaftaran baharu dan pembaharuan syarikat dengan MoF terbahagi kepada dua (2) iaitu Bayaran Proses dan Bayaran Pendaftaran:

- 4.2.1. Bayaran Proses hendaklah dibuat setelah permohonan diisytiharkan secara dalam talian.
- 4.2.2. Bayaran proses tidak akan dikenakan bagi permohonan yang ditolak sekiranya serahan semula dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh permohonan pertama ditolak.
- 4.2.3. Bayaran proses yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan sekiranya syarikat membuat permohonan pembatalan setelah diisytiharkan.
- 4.2.4. Bayaran pendaftaran dalam Ringgit Malaysia (RM) adalah seperti berikut:

Akta Fi 1951
Perintah Fi (Pendaftaran Akaun MoF) 2017

Bil.	Jenis Permohonan	Bayaran Proses	Kadar Bayaran Pendaftaran
i.	Baharu	RM50	RM400
ii.	Pembaharuan	RM50	RM400
iii.	Tambah Bidang	Tiada Caj Dikenakan	
iv.	Kemaskini Profil		
v.	Taraf Bumiputera		

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 15/70

4.3. Sijil Digital

- 4.3.1. Syarikat yang telah berdaftar akan diberikan sijil digital untuk bertransaksi melalui sistem eP dengan Kerajaan Persekutuan.
- 4.3.2. Sijil digital akan diberikan kepada Pentadbir Pembekal secara percuma untuk tempoh tiga (3) tahun pertama sahaja.
- 4.3.3. Bagi setiap tambahan pengguna seterusnya dan pembaharuan sijil digital akan dikenakan bayaran sebanyak RM120.00 untuk tempoh tiga (3) tahun.

4.4. Cara Bayaran Pendaftaran

- 4.4.1. Pembayaran hanya boleh dibuat secara dalam talian melalui kaedah Gerbang Pembayaran Elektronik (*Payment Gateway*) iaitu *Financial Process Exchange* (FPX), Kad Debit atau Kad Kredit yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan di Malaysia.
- 4.4.2. Pembayaran bagi pendaftaran syarikat dari kalangan negara ahli FTA juga boleh dibuat melalui ejen yang didaftarkan semasa pendaftaran syarikat dengan SSM secara dalam talian melalui kaedah Gerbang Pembayaran Elektronik (*Payment Gateway*) iaitu *Financial Process Exchange* (FPX), Kad Debit atau Kad Kredit yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan di Malaysia.

- 4.5. Manual tatacara permohonan pendaftaran akaun MoF boleh diakses melalui portal ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my/download-supplier>).

5. SYARAT PENDAFTARAN AKAUN MOF

5.1. Syarat-syarat Am

- 5.1.1. Jenis Aktiviti/ Perniagaan yang didaftarkan di bawah Undang-undang berkuat kuasa:
 - (a) Syarikat yang berdaftar dengan SSM di bawah Akta Syarikat 1965/2016; atau
 - (b) Syarikat yang berdaftar dengan SSM di bawah Akta Perniagaan 1956, bidang- bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan jenis perniagaan yang dinyatakan dalam Borang D / E / B dan Borang (maklumat perniagaan) Pendaftar Perniagaan; atau

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 16/70

- (c) Syarikat yang berdaftar dengan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, bidang-bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan jenis perniagaan dalam Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT); atau
- (d) Syarikat yang berdaftar di Sabah dan Sarawak, pendaftaran perniagaan adalah mengikut undang-undang negeri masing- masing; atau
- (e) Syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan, bidang- bidang yang dipohon hendaklah selaras dengan Undang-undang Tubuh Persatuan, Kelab, NGO dan Badan Amanah; atau
- (f) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi, bidang yang boleh dipohon untuk didaftarkan hendaklah selaras dengan Undang-undang Tubuh Koperasi; atau
- (g) Syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang selain daripada di atas, bidang yang dipohon adalah tertakluk kepada Undang-undang Tubuh masing-masing; atau
- (h) Firma perunding yang diperbadankan/ didaftarkan di Malaysia sama ada dengan SSM dan/ atau Lembaga Ikhtisas. Bagi Sabah dan Sarawak, firma perunding perlu diperbadankan atau berdaftar dengan pihak berkuasa yang mendaftarkan firma perunding di Sabah dan Sarawak.

5.1.2. Premis Perniagaan

- (a) Syarikat/ firma perunding hendaklah mempunyai pejabat operasi perniagaan yang sah sama ada milik sendiri atau disewa. Dokumen hak milik (sekiranya milik sendiri) atau perjanjian sewa yang dimatikan setem perlu dikemukakan sebagai bukti.
- (b) Syarikat boleh beroperasi daripada pejabat perniagaan, rumah kediaman atau mana-mana premis sebagai pejabat perniagaan dengan mengisytiharkan alamat pengoperasian syarikat.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 17/70

- (c) Syarikat dibenarkan beroperasi daripada rumah pusaka/ keluarga/ saudara mara dengan kebenaran secara bertulis dan hendaklah mengemukakan bukti pemilikan/ kebenaran serta bil utiliti.
- (d) Syarikat dibenarkan beroperasi dari premis SOHO/ *shared partition or hub/ co-sharing working space*.
- (e) Syarikat/ firma perunding tidak dibenarkan beroperasi menggunakan premis pejabat setiausaha syarikat (kecuali bagi setiausaha syarikat yang beroperasi bersekali dengan syarikat tersebut), pejabat syarikat percukaian, pasar, gerai, kantin, rumah kediaman (dibenarkan bagi syarikat sahaja), premis tidak kekal, kuarters Kerajaan dan semua premis Kerajaan untuk berdaftar dengan MoF.
- (f) Syarikat/ firma perunding tidak dibenarkan beroperasi menggunakan alamat pejabat maya (*online*), Peti Pos (*P.O.Box*), *mailing box office services* atau lain-lain premis dimana kesahihan dan keupayaan syarikat sukar ditentukan.
- (g) Syarikat/ firma perunding hendaklah mengisytiharkan alamat yang lengkap dan nombor telefon yang boleh dihubungi pada bila-bila masa.

5.1.3 Personel dan Caruman KWSP

- (a) Pengesahan caruman KWSP wajib dikemukakan bagi permohonan taraf bumiputera dan permohonan kod bidang khas.
- (b) Syarikat/ firma perunding hendaklah mengisytiharkan penama (*key-post*) dalam sistem eP sepertimana yang tercatat dalam penyata caruman KWSP atau Borang A yang dikemukakan.
- (c) Syarikat/ firma perunding hendaklah mengemukakan penyata caruman KWSP atau Borang A yang disertakan resit bayaran terkini.
- (d) Syarikat yang beroperasi daripada rumah kediaman adalah dikecualikan daripada mengemukakan penyata caruman KWSP.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 18/70

- (e) Syarikat perkongsian dibenarkan menamakan salah seorang pemilik sebagai pekerja.
- (f) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965/2016, pemegang ekuiti/ pengarah tidak dibenarkan untuk dilantik semula sebagai pekerja.
- (g) Pemilik firma perunding hendaklah dilantik sebagai pengarah sepenuh masa dan boleh dilantik sebagai kakitangan profesional atau pengurusan tetapi tidak dibenarkan dilantik sebagai pekerja.
- (h) Pemilik firma perunding hendaklah mempunyai kelulusan profesional dalam bidang yang dipohon mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa serta dikehendaki mengemukakan *Curriculum Vitae* (CV) / pengalaman kerja pemilik berkaitan dengan bidang yang dipohon.
- (i) Kakitangan profesional dan separa profesional bagi firma perunding hendaklah mengemukakan salinan ijazah pertama dan diploma serta CV/ pengalaman kerja dalam bidang yang dipohon.
- (j) Firma perunding hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang kakitangan tetap dengan komposisi berikut:
 - i. Kakitangan profesional berkeelayakan akademik sekurang-kurangnya ijazah dalam bidang berkaitan;
 - ii. Kakitangan separa profesional berkeelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dalam bidang berkaitan; dan
 - iii. Kakitangan perkeranian.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 19/70

5.1.4 Status Modal/ Ekuiti

- (a) Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar/ terkumpul/ ekuiti sekurang-kurangnya RM2,500.00 kecuali bagi kod bidang khas dan firma perunding **sekurang-kurangnya RM50,000.00.**
- (b) Kesemua pemilik ekuiti/ saham bagi firma perunding hendaklah mempunyai pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun setelah mendapat ijazah pertama dalam bidang yang dipohon.
- (c) Firma perunding yang ekuitinya dipegang oleh korporat/ nomini perlu mempunyai pengarah yang memiliki pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun setelah mendapat ijazah pertama dalam bidang yang dipohon.

5.1.5 Akaun Bank

- (a) Syarikat hendaklah mempunyai akaun yang aktif atas nama syarikat. Syarikat hendaklah mengemukakan salinan penyata bank terkini.
- (b) Syarikat dibenarkan mengisytiharkan lebih daripada satu (1) akaun pada satu-satu masa.

5.1.6 Kod Bidang

- (a) Syarikat dibenarkan untuk berdaftar maksima 30 kod bidang pada satu-satu masa.
- (b) Kod bidang yang dibatalkan (samada oleh syarikat/ ditarik balik oleh MoF) tidak boleh ditambah semula dalam tempoh satu (1) tahun selepas tarikh pembatalan atau sehingga permohonan pembaharuan pendaftaran tertakluk kepada mana yang terdahulu.
- (c) Kategori kod bidang adalah seperti berikut:
 - i. Kod bidang biasa.
 - ii. Kod bidang khas bertaraf bumiputera 100% (perenggan 6.1).
 - iii. Kod bidang khas bertaraf bumiputera 51% (perenggan 6.2).

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 20/70

- iv. Kod bidang khas (perenggan 6.3).
- v. Kod bidang ICT (perenggan 6.4).
- vi. Kod bidang perkhidmatan firma perunding (perenggan 7.1).
- vii. Kod bidang yang memerlukan surat perakuan/lesen (**Lampiran A**).
- viii. Kod bidang yang tidak ditawarkan kepada negara FTA (**Lampiran B**).

6. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN BIDANG KHAS

6.1. Syarat-syarat Bidang Khas 100% Bumiputera

6.1.1 Bidang Percetakan 221607 hingga 221608 – kod bidang tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Penguasaan syarikat 100% bumiputera.
- (c) Lesen percetakan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- (d) Surat kelulusan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (Jabatan Perdana Menteri).
- (e) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah.
- (f) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (g) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (h) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan termasuk taraf bumiputera.

6.1.2 Agen Pengembaraan 221307 – kod bidang tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Penguasaan syarikat 100% bumiputera.
- (c) Syarikat hendaklah mempunyai lesen Akta Industri Pelancongan 1992 yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pelancongan dalam negeri, perniagaan pelancongan luar negeri dan perniagaan ejen pengembaraan.
- (d) Syarikat diwajibkan untuk menggunakan salah satu aplikasi sistem ticketing iaitu sama ada sistem ticketing AMEDEUS, SABRE atau GALLILEO selain daripada diwajibkan untuk mematuhi syarat- syarat *Inbound* sahaja.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 21/70

- (e) Syarikat francais kepada francaisor bukan bumiputera tidak dibenarkan memohon bidang ini.
- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah.
- (g) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (h) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (i) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan termasuk taraf bumiputera.

6.2. Syarat-syarat Bidang Khas 51% Bumiputera

6.2.1. **Broker Insuran 221802** – kod bidang tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Penguasaan syarikat 51% bumiputera.
- (c) Lesen daripada Bank Negara Malaysia/ Lesen Kementerian Kewangan yang ditandatangani Menteri Kewangan.
- (d) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan (sekiranya syarikat masih belum bertaraf bumiputera).

6.3. Syarat-syarat Bidang Khas

6.3.1. **Kod Bidang Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan (Udara/ Darat/ Laut) 220102 hingga 220112, 220703 hingga 220707 dan 220709** – kod bidang ini ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Polisi insuran perlindungan bengkel dan kenderaan pelanggan minima RM100,000.00.
- (c) Senarai peralatan/ kelengkapan bengkel.
- (d) Gambar mesin/ peralatan, papan tanda kekal, luar dan dalam bengkel termasuk bilik mengecat (220108).
- (e) Lesen PBT bagi syarikat tempatan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 22/70

- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah. Bagi syarikat di bawah FTA, syarikat hendaklah mengemukakan ID pekerja/ lain-lain ID pengenalan diri.
- (g) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (h) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (e) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan.

6.3.2. Kod Bidang Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Pertahanan/ Keselamatan Negara (Udara/ Darat/ Laut) 220115 hingga 220124 – kod bidang ini tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Polisi insuran perlindungan bengkel dan kenderaan pelanggan minima RM100,000.00.
- (c) Senarai peralatan/ kelengkapan bengkel.
- (d) Gambar mesin/ peralatan, papan tanda kekal, luar dan dalam bengkel termasuk bilik mengecat (220121).
- (e) Lesen PBT.
- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah. Bagi syarikat di bawah FTA, syarikat hendaklah mengemukakan ID pekerja/ lain-lain ID pengenalan diri.
- (g) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (h) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (i) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan.

6.3.3. Kod Bidang Perkhidmatan Penyelenggaraan Bot/ Kapal/ Barge/ Kapal Selam/ Jet Ski/ Sampan (limbungan dan tanpa limbungan) 220701 – kod bidang ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00.
- (b) Polisi Insuran Perlindungan Bengkel / Bot / Kapal dan kenderaan pelanggan minima RM100,000.00.
- (c) Gambar mesin/ peralatan *Slipway/ Launchway/ Kren*.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 23/70

- (d) Jika tidak mempunyai limbungan perlu mengemukakan surat perjanjian sewa/ penggunaan limbungan dan mempunyai bengkel sendiri.
- (e) Lesen PBT bagi syarikat tempatan.
- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah. Bagi syarikat di bawah FTA, syarikat hendaklah mengemukakan ID pekerja/ lain-lain ID pengenalan diri.
- (g) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (h) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (i) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan.
- (j) Penentuan kelas dibuat bersama Jabatan Laut.

6.3.4. Kod Bidang Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Pertahanan/ Keselamatan Negara (Bot/ Kapal/ Barge/ Kapal Selam/ Jet Ski) (limbungan dan tanpa limbungan) 220705 hingga 220714 – kod bidang ini tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar / terkumpul RM50,000.00.
- (b) Polisi Insuran Perlindungan Bengkel / Bot / Kapal dan kenderaan pelanggan minima RM100,000.00.
- (c) Gambar mesin/ peralatan *Slipway/ Launchway/ Kren*.
- (d) Jika tidak mempunyai limbungan perlu mengemukakan surat perjanjian sewa/ penggunaan limbungan dan mempunyai bengkel sendiri.
- (e) Lesen PBT.
- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah.
- (g) Peta lakar yang lengkap dan jelas dari jalan utama ke premis dengan mercu tanda dan nama jalan yang mudah dikenalpasti.
- (h) Gambar papan tanda kekal, luar dan dalam premis perniagaan dan peralatan.
- (i) Bidang ini memerlukan lawatan pengesahan.
- (j) Penentuan kelas dibuat bersama Jabatan Laut.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 24/70

6.3.5. Pengangkutan Lori 221704 – kod bidang ini ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Perakuan Pendaftaran Kenderaan/ Sijil Pemilikan Kenderaan dan Permit Lori daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) (Lori atas nama syarikat berkapasiti Berat Dengan Muatan (BDM) $\geq 5,001$ kg).
- (c) Kod bidang ini tidak memerlukan lawatan pengesahan.

6.3.6. Agen Penghantaran 221705 – kod bidang ini ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Surat perlantikan sebagai Agen Penghantaran daripada JKDM yang masih berkuat kuasa.
- (c) Kod bidang ini tidak memerlukan lawatan pengesahan.

6.3.7. Pembungkusan Dan Penyimpanan 221706 – kod bidang ini ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Mempunyai gudang penyimpanan berlesen JKDM – Gudang Berlesen Awam KASTAM atas nama syarikat yang masih berkuat kuasa.
- (c) Kod bidang ini tidak memerlukan lawatan pengesahan.

6.3.8. Multimodal Transport Operator (MTO) 221709 – kod bidang ini ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Modal berbayar/ terkumpul RM50,000.00.
- (b) Mempunyai tiga kod bidang 221704, 221705 dan 221706.
- (c) Kod bidang ini tidak memerlukan lawatan pengesahan.

	PANDUAN PENDAFTARAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN TERMASUK PERUNDING	
VERSI 2.0	UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT	HALAMAN 25/70

6.3.9. Syarat Pendaftaran Bidang Pembuat (xxxx99) – kod bidang ini tidak ditawarkan kepada syarikat di bawah FTA.

- (a) Menyewa kilang/ peralatan di mana syarikat sedia ada menjalankan aktiviti/ operasi yang sama **tidak dibenarkan**.
- (b) Modal Berbayar/ Berkumpul RM50,000.00.
- (c) Surat perjanjian sewa premis yang dimatikan setem/ dokumen hak milik (jika milik sendiri).
- (d) Senarai mesin dan peralatan/ kelengkapan kilang, resit belian perlu disertakan/ cara perolehan/ acuan (*mould*).
- (e) Lesen Pengilang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)/ Surat pengecualian lesen pengilang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi syarikat yang memiliki modal berbayar kurang dari RM2.5 juta dan pekerja kurang daripada 75 orang.
- (f) Caruman KWSP bagi pekerja yang diisytiharkan dalam sistem eP tidak termasuk pemilik/ pengarah.
- (g) Kelulusan Kastam (bahan/barangan input yang diimport).
- (h) SIRIM (barangan elektrik dan lain-lain)/ Suruhanjaya Tenaga (barang elektrik)/ Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) (barang binaan)/ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (alat komunikasi)/ Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)/ Institut Perhutanan Penyelidikan Malaysia (FRIM)/ Lesen Kelas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) (jika berkaitan)/ Suruhanjaya Pembentungan Air (SPAN).
